



## PBT diminta bertolak ansur dengan peniaga, penjaja [METROTV]

---

RoselanAb Malek

[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

Temerloh: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya lebih bertolak ansur dalam mengambil tindakan terhadap peniaga kecil dan penjaja yang didapati melakukan kesalahan.

Menterinya Tan Sri Noh Omar berkata, PBT tidak seharusnya mengambil tindakan drastik mengeluarkan saman atau menyita barangan perniagaan mereka, sebaliknya perlu bertolak ansur dengan memberi nasihat jika mereka melakukan kesalahan.

"Kebanyakan peniaga kecil dan penjaja ini baru hendak bernafas semula dalam menghadapi pandemik Covid-19 sejak dua tahun lalu, ada juga yang terjejas akibat banjir baru-baru ini (jadi perlulah bertolak ansur)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan penyerahan Geran Bantuan Banjir Keluarga Malaysia (BBKK) kepada seramai 500 usahawan informal dan mikro Parlimen Temerloh di sini, hari ini.

Mengulas mengenai program penyerahan BBKK itu, beliau berkata, Medac melalui Tekun Nasional sudah menyalurkan geran bernilai RM10.2 juta sebagai inisiatif BBKK di Pahang.

"Terdapat 3,400 usahawan informal dan mikro di Pahang yang premis perniagaan mereka terjejas banjir dan mereka akan diberikan sebanyak RM3,000 seorang geran BBKK ini yang diberikan secara *one off*," katanya.



Noh Omar menyerahkan bantuan kepada mangsa banjir, sempena majlis penyerahan Bantuan Banjir Usahawan Keluarga Malaysia, di Dewan Tun Razak, Majlis Perbandaran Temerloh. FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG

Disiarkan pada: Mac 22, 2022 @ 6:48pm